

Muharam waktu terbaik memeta hijrah tingkatkan kualiti ibadah

Oleh Zuhaimi Abdul Rahim
bhagama@bh.com.my

Muharam adalah bulan pertama dalam kalendar Hijriah, menandakan permulaan tahun baharu bagi umat Islam. Kehadiran 1 Muharam mungkin tidak disambut meriah seperti menyambut kedatangan tahun baharu Masihi setiap tahun.

Namun, bulan ini mempunyai makna dan keutamaan istimewa, terutama berkenaan peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah, berlaku pada 622 Masihi dan bertepatan dengan bulan Muharam.

Hijrah ini adalah peristiwa penting yang membawa perubahan besar dalam sejarah Islam. Terdapat beberapa hikmah dan pengajaran boleh diambil daripada Muharam serta bagaimana umat Islam patut memanfaatkan bulan ini untuk refleksi dan perancangan masa depan.

Muharam termasuk dalam empat bulan haram iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab seperti disebut dalam Surah at-Taubah ayat 36, Allah berfirman bermaksud: *“Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah 12 bulan, (ditetapkan) dalam Kitab Allah ketika menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan dihormati. Ketetapan demikian itu ialah agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu pada bulan dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya) dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya. Ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang bertakwa”*.

Bulan ini dinamakan haram kerana sepanjang tempoh itu diharamkan berperang dan bulan suci yang mana Allah SWT mengharamkan sebarang kezaliman serta setiap kezaliman dilakukan dosanya lebih besar berbanding bulan lain.

Ini menekankan betapa pentingnya menghormati dan memuliakan bulan haram ini, termasuk Muharam. Namun, pada bulan ini terdapat juga pelbagai peristiwa, keistimewaan, hikmah dan pengajaran yang mana ada amal dilakukan akan digandakan ganjarannya.

Dalam konteks kehidupan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia, terdapat banyak pengajaran boleh diambil daripada Muharam. Mahasiswa menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan dalam kehidupan seharian seperti tekanan akademik, kewangan dan sosial.

Kepentingan sabar, tabah dan ikhlas

Mengambil pengajaran daripada peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW, kita boleh belajar kepentingan kesabaran, ketabahan dan keikhlasan menghadapi ujian. Sebagai contoh, mahasiswa boleh mengambil iktibar daripada hijrah Nabi dengan merancang perjalanan akademik dengan teliti.

Seperti Nabi merancang hijrahnya dengan penuh strategi dan persiapan, mahasiswa juga perlu merancang jadual belajar, tugas dan aktiviti kurikulum dengan baik.

Ini termasuk menghadiri kuliah, mengulang kaji pelajaran dan menyertai aktiviti dapat meningkatkan kemahiran diri. Selain itu, Muharam mengajar umat Islam pentingnya menguruskan masa dengan bijak.

Dalam Surah al-Asr, Allah berfirman bermaksud: *“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan penuh kesabaran”*.

Ayat ini mengingatkan kita pentingnya menghargai masa dan menggunakan setiap saat dengan sebaik-baiknya. Mahasiswa perlu bijak menguruskan masa untuk memastikan mereka dapat mencapai kejayaan dalam pelajaran dan kehidupan.

Muharam adalah masa sesuai untuk merenung dan menilai perjalanan hidup sepanjang setahun. Muhasabah atau introspeksi diri, adalah satu amalan sangat digalakkan dalam Islam.

Dengan merenung kembali amalan dilakukan selama ini atau sepanjang tahun lalu, kita dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri serta merangka pelan tindakan untuk meningkatkan kualiti hidup dan ibadah.

Selain itu, Muharam masa sesuai untuk menetapkan matlamat dan perancangan untuk masa de-

pan. Dengan bermulanya tahun baharu Hijriah, kita boleh mengambil peluang ini membuat resolusi baharu dan berusaha mencapainya dengan lebih baik.

Sebagai contoh, kita boleh menetapkan matlamat untuk meningkatkan kualiti solat, memperbanyakkan amalan sunat atau memperbaiki hubungan dengan keluarga dan masyarakat, memperbaiki pengurusan diri dan menetapkan matlamat akademik.

Umat Islam termasuk mahasiswa boleh mengambil kesempatan ini sebagai titik permulaan untuk memperbaiki kedua-dua aspek akademik dan rohani supaya dapat membentuk diri menjadi penuntut yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi cemerlang akhirat.

Di sebalik niat membuat perubahan diri ke arah mahasiswa cemerlang akademik dan rohani, rebut peluang memanfaatkan keistimewaan bulan haram ini dengan membuat amalan sunat.

Terdapat beberapa amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan pada bulan Muharam antaranya berpuasa pada hari Asyura, iaitu pada 10 Muharam.

Rasulullah SAW bersabda: *“Puasa paling utama selepas Ramadan adalah puasa pada bulan Allah, Muharam”*. (HR Muslim).

Puasa pada hari Asyura mempunyai ganjaran besar, iaitu dapat menghapuskan dosa kecil selama setahun lalu.

Selain itu, umat Islam digalakkan memperbanyakkan amalan sunat seperti solat malam, membaca al-Quran, bersedekah dan berzikir. Hal ini kerana pada bulan haram setiap amalan dilakukan akan digandakan Allah SWT.

Amalan ini bukan sahaja dapat mendekatkan diri kepada Allah, tetapi juga memberi ketenangan jiwa dan bagi mahasiswa, berupaya membantu menguruskan tekanan akademik.

Muharam adalah bulan penuh keberkatan dan keutamaan. Ia bukan sahaja menandakan permulaan tahun baharu Hijriah, tetapi mengingatkan kita peristiwa penting dalam sejarah Islam, iaitu hijrah Nabi Muhammad SAW.

Dengan mengambil iktibar daripada bulan ini, mahasiswa boleh memperbaiki diri, menetapkan matlamat baharu dan berusaha menjadi individu lebih baik.



Pengarah Pusat Islam,
Universiti Putra Malaysia

“ Dengan merenung kembali amalan dilakukan selama ini atau sepanjang tahun lalu, kita dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri, serta merangka pelan tindakan untuk meningkatkan kualiti hidup dan ibadah ”

